



Lesen memandu digital hanya untuk pemanduan dalam negara

Oleh Zuhainy Zulkiffli - Ogos 5, 2023 @ 3:36pm
bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Rakyat Malaysia yang memandu kenderaan di luar negara, adalah tertakluk kepada undang-undang tempatan negara berkenaan.

Justeru, mereka yang mahu memandu di luar dari Malaysia masih perlu ada lesen memandu fizikal jika undang-undang negara berkenaan berkehendak demikian.

Pengeluaran lesen fizikal tidak dihentikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata kerajaan memperkenalkan lesen digital bagi pemanduan dalam negara adalah untuk mengatasi isu kesesakan di kaunter JPJ apabila orang ramai mahu memperbaharui lesen memandu atau cukai jalan.

"Kita sudah menjelaskan pemanduan di luar negara tertakluk kepada undang-undang negara itu dan kita tidak boleh minta mereka (kerajaan asing) terima cara (pelaksanaan lesen secara digital) kita.

"Kerajaan juga tidak boleh meminta mana-mana negara lain bagi menerima pelaksanaan konsep pendigitalan JPJ kerana setiap negara mempunyai undang-undang sendiri," katanya yang ditemui selepas Majlis Pecah Tanah Pembinaan Bangunan Baharu Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas dakwaan dua lelaki warga Malaysia yang meluahkan rasa tidak puas hati apabila dikenakan tindakan saman oleh pihak berkuasa Thailand meskipun sudah mempamerkan lesen memandu.

Menerusi perkongsian yang tular di Twitter AcapKay semalam, individu berkenaan mendakwa situasi yang dialami bersama rakannya selepas ditahan ketika menunggang motosikal di sebuah daerah dalam negara terbabit.

Loke berkata pengeluaran lesen secara fizikal tidak diberhentikan dan ia masih diberikan oleh pihak JPJ sekiranya individu berkenaan memerlukannya.

"Lesen digital yang diperkenalkan di negara ini sudah tentu tidak mempunyai masalah termasuk dari segi penguatkuasaan dan tiada saman akan dikenakan.

"Bagaimanapun, apabila seseorang itu ke luar negara sudah tentu dia tertakluk pada undang-undang negara berkenaan jadi, jika seseorang itu memerlukan lesen fizikal bagi pemanduan di luar negara dia boleh mendapatkannya daripada JPJ ketika memperbaharui lesen.

"Ini sesuatu yang saya rasa orang ramai perlu tahu bahawa kita tak ada bidang kuasa bagi menentukan cara pelaksanaan di negara lain umpamanya di Thailand kalau mereka perlukan lesen fizikal itu bidang kuasa mereka," katanya.